

PROGRAM REVISIT KEJIRANAN MESRA DI KAMPUNG BAKO

KUCHING: Program Revisit Kejiranan Mesra Peringkat Kampung Bako telah diadakan pada 27 Mac 2005 (Ahad) yang lalu bertempat di Surau Darul Salihin, Kpg Bako. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dr. Abang Haji Abdul Rauf Abang Haji Zen, ADUN N4 Demak Laut. Antara Objektif Program Revisit ini adalah untuk membuat pemantauan susulan serta keberkesanan pelaksanaan program Kejiranan Mesra dilokasi-lokasi yang telah dilancarkan program Kejiranan Mesra sejak tahun 2001. Pada dasarnya Kempen Kejiranan Mesra ini telah diilhamkan oleh YAB Pehin Sri Dr. Hj Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak dimana ia merupakan satu pendekatan dan konsep baru serta menyeluruh, bersepadu dan berwawasan bagi melahirkan masyarakat yang mesra, muafakat dan makmur. Program Kejiranan Mesra Kpg Bako telah dilancarkan dengan rasminya pada 30 Jun 2002.

Antara program yang telah dirangka sempena Revisit pada kali ini ialah Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela Kpg Bako yang melibatkan belia dan remaja yang tinggal di sekitar Kpg Bako dimana kursus anjuran bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuching ini telah diadakan selama 3 hari berturut-turut iaitu pada 21 Mac hingga 23 Mac 2005 yang lalu. Menurut Ketua Balai Bomba Petra Jaya, Encik Wan Umar Wan Alek, langkah ini merupakan satu langkah yang bijak kerana dengan adanya pasukan Bomba Sukarela di kawasan ini akan dapat membantu semasa berlakunya kecemasan dan sedikit sebanyak akan memberi faedah kepada warga kampung pada masa hadapan. Penubuhan pasukan bomba ini juga difikirkan amat perlu memandangkan banyak kejadian kebakaran yang berlaku baru-baru ini. Seramai 41 remaja dan belia telah turut serta di dalam kursus pada kali ini. Program ini akan diteruskan pada masa hadapan yang mana ia merupakan program susulan bagi memastikan keberkesanan penubuhan pasukan bomba sukarela Kampung Bako. Pada perasmian tersebut juga telah diadakan demonstrasi memadam kebakaran oleh pasukan bomba sukarela Kampung Bako yang baru ditubuhkan.

Semasa merasmikan program Revisit Kejiranan Mesra Peringkat Kpg Bako, YB Dr. Abang Haji Abdul Rauf Abang Haji Zen, ADUN N4 Demak Laut telah memaklumkan di dalam intipati ucapan beliau bahawa kerajaan pada masa terdekat ini akan menjadikan kampung Bako sebagai kampung contoh bagi memperkenalkan program rumah mesra rakyat. Ia bertujuan untuk mengetengahkan pentingnya program kebersihan di kalangan warga kampung Bako. Selain itu beliau juga menyarankan agar pihak berkuasa tempatan iaitu pihak DBKU agar sentiasa mengadakan kempen gotong royong, dialog, bengkel serta program 3R bersama pihak Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran (NREB) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha menangani cabaran kebersihan di sekitar kawasan berkenaan. Sikap serta semangat kebersihan perlu dipupuk dan disemai di kalangan warga kampung Bako malah beliau juga menyarankan agar program Kejiranan Mesra diintegrasikan bersama-sama pihak JKKK Kampung, Rela, Persatuan-persatuan, PBB, pihak PIBG dan pelajar-pelajar sekolah bagi memastikan kempen Kebersihan Rumah ke Rumah berjaya direalisasikan.